



BERITA

No: 10

Prospek Suram - Kemerosotan semakin Teruk, Kerugian Lebih Besar

24 Mac 2009 (Geneva) – Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengumumkan perubahan semula jangkaan masa hadapan industri pengangkutan udara yang akan mengalami kerugian sebanyak US\$4.7 billion pada 2009. Ianya lebih teruk berbanding ramalan kerugian sebanyak US\$2.5 billion pada bulan Disember 2009 oleh IATA, lantas mencerminkan keadaan keruntuhannya ekonomi dunia yang semakin meruncing.

Pendapatan industri dijangka akan menjunam sebanyak 12.0% (US\$62 billion) kepada US\$467 billion. Sebagai perbandingan dengan kejatuhan pendapatan yang terdahulu, selepas kejadian 11 September 2001, menyaksikan pendapatan industri hanya jatuh sebanyak US\$23 billion sepanjang tempoh 2000 hingga 2002.

“Kedudukan industri penerbangan pada hari ini amat suram. Permintaan telah merundum dengan teruk akibat kemerosotan ekonomi berbanding jangkaannya beberapa bulan yang lepas. Ramalan kerugian bagi 2009 kini adalah sebanyak US\$4.7 billion. Ditambah pula dengan hutang industri sebanyak US\$170 billion, tekanan keatas imbanginan kewangan industri ini menjadi semakin hebat,” kata Giovanni Bisignani, Pengarah Besar dan CEO, IATA.

Permintaan diramal akan jatuh menjunam dengan trafik penumpang dijangka akan mengalami penguncutan sebanyak -5.7% sepanjang tahun ini. Implikasi pulangan pendapatan akibat kejatuhan ini pula akan bertambah teruk bagi trafik kelas mewah. Permintaan bagi kargo pula dijangka akan jatuh sebanyak -13%. Kedua-duanya berada pada kedudukan yang lebih teruk dari ramalan bulan Disember dengan jangkaan kejatuhan hanya sebanyak -3.0% bagi pemintaan penumpang dan -5.0% bagi permintaan kargo. Keuntungan pula dijangka akan jatuh sebanyak -4.3%.

Kejatuhan harga minyak telah membantu menghalang kerugian yang lebih besar. Dengan kejatuhan harga minyak kepada US\$50 satu tong (Brent oil), perbelanjaan untuk pembelian minyak bagi industri ini diramal akan mengurangkan kos operasi sebanyak 25% (berbanding 32% pada 2008 dimana harga purata minyak adalah sebanyak US\$99 satu tong). Ditambah pula dengan permintaan yang semakin menurun, perbelanjaan keseluruhan bagi penggunaan minyak akan jatuh kepada US\$116 billion (berbanding US\$168 billion pada 2008).

“Harga minyak merupakan satu-satunya berita baik. Tetapi kelegaan akibat dari harga minyak yang semakin murah dibayangi oleh permintaan yang semakin menurun dan pendapatan yang semakin berkurangan. Industri kini berada di dalam unit rawatan rapi. Syarikat penerbangan berhadapan dengan dua cabaran asas iaitu: penyimpanan wang tunai dan ketelitian di dalam mengimbangi kapasiti dengan permintaan,” kata Bisignani.

IATA juga turut memperbetulkan ramalan kerugian bagi tahun 2008 dari US\$5.0 billion kepada US\$8.5 billion. Sukuan keempat bagi 2008 adalah amat sukar dimana syarikat penangkutan

udara melaporkan kerugian besar yang berkaitan dengan pengawalan dan kejatuhan teruk bagi trafik penumpang kelas mewah dan juga kargo.

Perbezaan serantau masih tetap ketara:

Asia Pasifik: Syarikat pengangkutan dirantau ini terus mengalami kesan yang paling teruk akibat kemelut ekonomi dan dijangka akan mencatatkan kerugian sebanyak US\$1.7 billion (lebih teruk berbanding ramalan kejatuhan sebanyak US\$1.1 billion sebelumnya). Jepun, pasaran terbesar rantau ini dijangka akan menyaksikan penurunan GDP sebanyak 5.5% pada 2009 dengan pasaran eksportnya kini mengalami kejatuhan tanpa batasan. China telah berjaya mengalakkan peningkatan permintaan pasaran tempatannya melalui penyesuaian harga. Permintaan antarabangsa pula dijangka akan menguncup diantara -5% dan -10% sepanjang tahun ini. India, yang mana pasaran bagi perkhidmatan udara antarabangsanya telah berkembang sebanyak tiga kali ganda diantara tahun 2000 hingga 2008, dijangka akan menyaksikan peningkatan kapasiti sebanyak 0.7% pada 2009, manakala permintaan akan jatuh sebanyak -2 dan -3%. Secara keseluruhannya, rantau ini dijangka akan menyaksikan kejatuhan permintaan sebanyak -6.8% (TKP) tetapi hanya -4.0% (ATK) penurunan bagi kapasitinya.

Amerika Utara: Syarikat pengangkutan di rantau ini diramal akan memberikan prestasi yang terbaik bagi 2009 dengan gabungan keseluruhan keuntungan sebanyak US\$100 juta. Penurunan permintaan (TKP) sebanyak -7.5% dijangka akan diseimbangkan dengan pemotongan kapasiti sebanyak -7.5% (ATK). Berbanding dengan keadaan ekonomi yang semakin teruk, kedudukannya tetap kukuh dengan keuntungan sebanyak US\$300 juta seperti yang diramalkan. Syarikat pengangkutan mendapat manfaat dari pengurusan kapasiti yang teliti dan telahan harga minyak yang lebih murah.

Eropah: Syarikat pengangkutan Eropah dijangka akan mengalami kerugian sebanyak US\$1 billion pada 2009. Ramalan kejatuhan GDP sebanyak 2.9% bagi benua ini dijangka akan mengakibatkan penurunan permintaan sebanyak -6.5% (TKP). Pemotongan kapasiti sebanyak 5.3% (ATK) tidak akan berupaya untuk menyaingi penurunan permintaan yang mendadak, lantas menarik jatuh pendapatan dan keuntungan.

Amerika Latin: Walaupun Amerika Latin diramal akan mengekalkan pertumbuhan GDP positif pada 2009, kejatuhan permintaan terhadap produk komidiiti dijangka akan menyaksikan penurunan trafik sebanyak 7.8% (TKP). Syarikat pengangkutan dijangka akan hanya mampu mengurangkan kapasiti sebanyak -3.8% (ATK) yang akan mengakibatkan kerugian sebanyak US\$600 juta.

Afrika: Syarikat pengangkutan Afrika dijangka akan mengalami kerugian sebanyak US\$600 juta pada 2009. Ianya merupakan kerugian sebanyak enam kali ganda dari US\$100 juta yang dialami pada 2008. Syarikat pengangkutan rantau ini kehilangan pasaran bagi pengangkutan barang jarak jauh. Permintaan dijangka akan menjunam sebanyak -7.8% (TKP) dengan kejatuhan -6.0% (ATK) bagi kapasitinya.

Timur Tengah: Timur tengah merupakan satu-satunya rantau yang menyaksikan pertumbuhan bagi permintaan pada 2009 (+1.2% TKP). Tetapi ianya dibayangi oleh kesan peningkatan kapasiti sebanyak 3.8%. Walaupun peningkatan ini berada pada kedudukan yang lebih rendah dari pertumbuhan dua digit tahun sebelumnya, rantau ini terus mengekalkan pertambahan kapasiti mendahului permintaan. Hasilnya akan menyaksikan kerugian sebanyak US\$900 juta (sedikit perubahan dari kerugian sebanyak US\$800 juta yang dicatatkan pada 2008)

Memandang kehadapan:

Kebanyakkan dari kejatuhan yang diramalkan bagi tahun 2009 telah pun berlaku pada bulan Januari. Ketika pengilang menamatkan penyimpanan stok, kami menjangkakan akan terdapat sedikit peningkatan semula di dalam pengangkutan barang udara ketika komponen perkapalan mengalami sedikit peningkatan. Tetapi keyakinan pengguna dan perniagaan yang lemah dijangka akan mengakibatkan perbelanjaan yang berkurangan dan melemahkan permintaan bagi pengangkutan udara.

"Prospek bagi syarikat penerbangan bergantung kepada pemulihian ekonomi. Hanya terdapat sedikit indikasi bahawa kemelut ini akan berakhir awal. Tahun 2009 pastinya akan suram. Dan walaupun terdapat prospek ianya mungkin pulih pada penghujung tahun, keyakinan bahawa akan terdapat pemulihian yang besar pada 2010 merupakan sesuatu yang optimism berbanding realitinya," kata Bisignani.

Bisignani juga turut mengingatkan bahawa krisis ini seharusnya membawa kepada perubahan. "Pemulihian tidak akan datang tanpa perubahan. Kami tidak meragui bahawa industri ini cukup teguh sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Tetapi struktur kita masih lemah. Pencapaian keuntungan yang terhebat bagi industri yang rapuh ini adalah pada 0.3%. Penyelamatan melalui bantuan kewangan bukan merupakan preskripsi untuk pemulihian semula. Peluang memasuki pasaran modal dunia, kemampuan untuk bergabung dan bersepakut; dan kebebasan untuk memasuki pasaran amat diperlukan bagi menguruskan industri ini sebagai sebuah perniagaan menguntungkan yang normal. Ini merupakan Agenda IATA bagi Kebebasan – penyelesaian kos efektif bagi kerajaan yang terdesak untuk meransang semula ekonomi mereka," kata Bisignani.

- IATA -

Hubungi:

Albert Tjoeng

Pengurus

Komunikasi Korporat

Asia Pasifik

Tel : +65 64992286 / +65 91723767

Email : tjoenga@iata.org

Nota kepada Editor:

- IATA (Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa) mewakili sejumlah 230 syarikat penerbangan yang merangkumi sejumlah 93% dari jadual trafik penerbangan udara antarabangsa.
- TKP – (tonne kilometers performed) merupakan pengukuran bagi trafik penumpang dan kargo yang dibawa oleh syarikat penerbangan, kedua-duanya diukur mengikut timbangan berat dan jarak penerbangan.
- ATK (available tonne kilometres) merupakan pengukuran bagi kapasiti pesawat yang diukur mengikut kapasiti pesawat untuk membawa penumpang dan kargo dan jumlah keseluruhan berat dan jarak penerbangan.
- Angka keuntungan bersih tidak termasuk pengiraan khas yang dikaitkan dengan pengabungan dan penstruktur semula dan juga penghadang kerugian melalui ramalan harga minyak yang telah dilaporkan di dalam laporan akaun untung dan rugi.